

**Apabila KJ, Nik Aziz berlakon
Malaysiakini.com
Aug 22, 2009
Salhan K Ahmad**

Sebuah filem dibintangi Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebagai pemandu teksi dan sebuah lagi tokoh PAS Datuk Nik Aziz Nik Mat antara lima belas filem pendek yang menjadi tarikan utama di portal 15Malaysia.

Portal www.15malaysia.com yang mula beroperasi Isnin lalu merupakan projek pertama seumpamanya di negara ini yang memberikan muatturun filem-filem berkenaan – khusus untuk disebarakan lebih meluas di Internet.

Dalam *Meter*, Khairy membintangi watak seorang bekas ketua Pemuda sebuah parti politik yang kini memandu teksi sebagai mata pencarian - menghiburkan bagaimana melihat ahli politik itu menyampaikan sindiran-sindiran terhadap partinya sendiri dengan bersahaja melalui lakonan.

Sindiran popular, antaranya, membandingkan pakaian seragam sayap Pemuda Umno yang mirip dengan kod pakaian pemandu teksi – berkemeja putih dan berseluar gelap.

Filem arahan karyawan muda Benji itu menceritakan bagaimana Khairy mengambil dan menurunkan beberapa orang penumpang dan berbual-bual dengan mereka berhubung isu-isu popular – bahasa kebangsaan, bola sepak kebangsaan, lompat parti dan juga isu keris.

Turut membintangi *Meter*, penyanyi rap Namawee yang sebelum ini mencetus kontroversi dengan klip video lagu bertajuk 'Negarakuku', selain pemuzik Jason Lo.

Benji, yang ditemui *Malaysiakini* baru-baru ini semasa pelancaran himpunan 15 filem tersebut, berkata watak pemandu teksi dalam *Meter* juga cerminan sikap orang Malaysia yang suka mengeluh tentang isu-isu kehidupan mereka tetapi tidak memberi apa-apa saranan berkesan untuk memperbaiki keadaan.

"Filem kami ini lebih kepada komedi. Konsepnya ialah mengenai seorang pemandu teksi yang suka melontar pandangan-pandangan dengan selesa daripada tempat duduknya sendiri.

"Itulah yang dia buat, komplek, komplek dan komplek," katanya lagi.

Penerbitnya Pete Teo pula berkata, pihaknya bernasib baik kerana mempunyai ramai kenalan di dalam bidang politik yang banyak membantu mereka mendapatkan kerjasama ahli-ahli politik berkenaan dalam projek 15malaysia.

Pete sebelum ini popular dengan projek Malaysia Artistes for Unity menambah, projek yang memakan masa selama tiga bulan ini merupakan medium yang berkesan kepada ahli politik berkenaan untuk mendekati rakyat, selain menjadi pentas kepada karyawan muda untuk mengetengahkan karya mereka.

"Kami ada ramai kawan-kawan yang bergiat dalam politik, ini banyak membantu.

"Tapi saya katakan kepada ahli politik ini, mereka perlu masuk dalam

projek ini sebagai rakyat Malaysia. Mereka tidak boleh datang dan kata undi parti ini atau parti itu," tegasnya.

Pengarah filem *Pokok* yang memaparkan Nik Aziz, menteri besar Kelantan, pula berkata pengarah telah diberikan kebebasan kreatif sepenuhnya dalam menghasilkan karya mereka.

"Tapi ini selepas subjek filem ini telah dipersetujui dengan penerbit," kata Amir Muhammad, yang popular kolumnya dan filemnya yang diharamkan seperti *Lelaki Komunis Terakhir*.

Filem beliau antara dua dokumentari yang ditampilkan dalam 15 koleksi filem tersebut, yang selebihnya merupakan karya fiksi.

Amir tidak bersedia dengan skrip, tetapi meminta Nik Aziz menjelaskan satu hadis berkaitan ekonomi.

Selain rakaman temubual dengan Nik Aziz, beliau juga memasukkan rakaman aktiviti-aktiviti berjual beli di Pasar Siti Khadijah di Kota Bharu.

"Hadis itu memberitahu tentang cara kerja yang dirahmati Tuhan. Ia juga menjelaskan kita mendapat balasan daripada apa yang dikerjakan. Anda tidak boleh mendapat duit tanpa membuat apa-apa. Dan ada juga mengenai bersedekah," kata Amir lagi.

Beliau bagaimanapun berpendapat filem-filem yang ditonjolkan dalam kumpulan filem 15Malaysia itu bukanlah gambaran paling jelas mengenai Malaysia.

"Ada aspek yang tidak ditonjolkan, seperti isu pendatang asing. Kita bukan hanya hidup dalam kalangan orang Melayu, Cina dan India sahaja. Ada juga orang imigran," katanya lagi.

Secara umumnya filem-filem itu setiap satunya diterbitkan dengan tiga versi sari kata: bahasa Melayu, Cina dan Tamil.

Selain memaparkan Khairy dan Nik Aziz, koleksi filem itu turut menampilkan beberapa ahli politik termasuk pemimpin MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai dan pemimpin PKR Datuk Zaid Ibrahim serta Tian Chua.

Kesemua filem ini akan dapat ditonton secara berperingkat-peringkat.

Dua filem - *Potong Saga* (dibintangi Namawee) dan *Chocolate* (dibintangi Sharifah Amani, arahan Yasmin Ahmad) kini boleh dimuatturun dan ditonton melalui pelayan video popular Youtube.